

Kekeringan rohani kerana kurang memuji Tuhan

TAKTHA SUCI: Semasa Hari Raya Santa Perawan Maria Diangkat ke Syurga, Sri Paus Fransiskus menggesa umat beriman untuk mengamalkan “semanagat pelayanan” seperti yang ditunjukkan oleh Santa Perawan Maria yang pergi tergesa-gesa untuk membantu Elizabeth, sepupunya yang mengandung.

Sri Paus berbicara kepada para penziarah yang berkumpul di Dataran Sto Petrus untuk doa Angelus sempena Hari Raya pengangkatan Maria ke syurga.

Dalam renungannya sebelum memimpin doa Maria, Sri Paus Fransiskus memetik bacaan Injil hari itu — kisah Lukas tentang Kunjungan Maria — yang menunjukkan Bonda Tuhan menjadi sebagai wanita yang sanggup berbakti atau melayani kepada orang-orang di sekelilingnya.

“Bonda kita, yang baharu saja mengandung, mengembara hampir 150 kilometer (kira-kira 93 batu) dari Nazareth untuk sampai ke rumah Elizabeth,” kata Sangti Papa.

“Membantu memang ‘mahal’ kerana dalam membantu kita sentiasa mengalami keletihan, terpaksa bersabar dan turut rasa bimbang apabila menjaga orang lain.”

“Tetapi,” kata Sri Paus, “melayani akan membebaskan atau meletihkan apabila kita kurang memuji Tuhan.”

“Lihatlah, apabila Maria memasuki rumah sepupunya, dia memuji Tuhan. Maria tidak membicarakan mahupun mengadu tentang keletihannya dalam perjalanan, melainkan menyanyikan kegembiraan terbit dari hatinya. Kerana mereka yang mengasihi Tuhan tahu memuji-muji Tuhan.”

Sri Paus mengajak para umat untuk bertanya kepada diri sendiri: “Adakah saya menjalani kehidupan dan pekerjaan harian saya dengan semangat melayani atau dengan mementingkan diri sendiri?”; “Adakah saya mengabdikan diri saya kepada seseorang secara bebas, tanpa meminta balasan atau keuntungan segera? Pendek kata, adakah



saya menjadikan pelayanan saya sebagai ‘papan pelonjak’ dalam hidup saya?”

Prelatus itu juga mengajak umat untuk merenung tentang pujian peribadi kita kepada Tuhan: “Adakah saya, seperti Maria, bersukacita dalam Tuhan? Adakah saya berdoa, memuji Tuhan? Dan, selepas memuji-Nya, adakah saya menyebarkan kegembiraan kepada orang-orang yang saya temui?”

Sempena Hari Raya *Assumption*, Sri Paus mempercayakan kepada Maria yang telah Diangkat ke Syurga, untuk

permohonan keamanan di Ukraine dan di semua wilayah yang sedang mengalami konflik.

Bapa Suci merungut kerana terdapat begitu banyak kawasan di dunia yang dilanda perang, di mana “kebisingan senjata menutupi percubaan dialog” dan “kekerasan mengatasi kuasa hak.”

“Tetapi janganlah kita patah semangat,” kata Sri Paus seraya berkata, Mari kita terus berharap dan berdoa, kerana Tuhan, sentiasa mendengar kita!” — *CNA/Media Vatikan*

Sri Paus minta Gereja temani para pekerja di tengah ketidakamanan pekerjaan

VATIKAN: “Kerja bukan sekadar aktiviti menghasilkan produk tetapi sarana yang kita gunakan untuk bekerja sama dengan Tuhan dalam karya penciptaan dan mewujudkan diri kita sebagai manusia,” tegas Sri Paus.

Sri Paus Fransiskus menekankan bahawa pekerjaan manusia membantu kita menjadi “pencipta bersama dan berpartisipasi dalam membangun dunia yang lebih adil dan ber-saudara.”

Sri Paus Fransiskus mengirim pesan un-

tuk pertemuan Gerakan Pekerja Kristian di kota Segovia, Sepanyol, dan mendesak Gereja untuk menemani orang-orang yang berjuang di pinggiran ekonomi.

Anggota Gerakan Pekerja Kristian dari Aksi Katolik Spanyol (HOAC) telah berkumpul di Kota Segovia, Sepanyol, untuk Sidang Umum ke-14 mereka, yang diadakan pada Ogos 12-15. Sri Paus Fransiskus mengirimkan pesan dan dorongannya pada Ogos 13 yang bertema “Membangun Jambatan, Meruntuhkan Tembok: Gereja di

Dunia Kerja Menjalin Ikatan Persaudaraan”.

Bapa Suci mengatakan dengan merenungkan misi Gereja untuk berjalan bersama orang-orang dalam semua aspek kehidupan mereka, termasuklah partisipasi dalam dunia kerja.

Prelatus itu juga mengatakan Gereja secara khusus perlu mendampingi orang-orang yang berada di pinggiran dunia kerja.

Misi Gereja dengan para pekerja mencakupi pendampingan dengan orang-orang yang kehilangan pekerjaan atau menderita

kerana kurangnya peluang pekerjaan.

Umat Kristiani tidak boleh terkurung di dalam bangunan Gereja kita sebaliknya harus aktif menjangkau mereka yang memerlukan dan mencari “solusi yang adil dan abadi” bagi mewujudkan persekitaran pekerjaan yang baik.

Sangti Papa mengakhiri pesannya dengan mendorong para anggota Aksi Katolik untuk “menjalin ikatan persaudaraan, membawa terang Injil, dan membangun masyarakat yang lebih adil. — *media Vatikan*

Bagaimana rasanya berada di syurga?

Andrew Greeley pernah mencadangkan mungkin kita dapat merenungkan gambaran syurga seperti berikut: Keadaan ekstasi fizikal dan kepuasan emosi yang berpunca daripada hubungan seksual antara dua orang yang saling bercinta adalah gambaran terbaik yang sedia ada kepada kita tentang keadaan kekal kita dalam negeri yang dibangkitkan.

“Nilai inspirasi yang kuat dari elektrik seksual dan kemegahan tubuh manusia yang mengagumkan tidak akan dihalang dalam keadaan dibangkitkan kerana mereka adalah oleh kelemahan dunia ini. Oleh itu, kegembiraan kebangkitan adalah interpersonal, fizikal, seksual, dan korporat kerana kita akan menikmatinya dengan orang lain.”

Lebih daripada segelintir orang terkejut dengan gambaran seperti ini digunakan untuk menggambarkan syurga.

Bagaimanapun, imej seperti inilah yang menonjol dalam cara beberapa ahli mistik Kristian yang hebat, termasuk Yohanes dari Salib dan Theresa dari Avila, dalam menggambarkan syurga. Bagi mereka, kematian adalah gambaran malam perkahwinan anda.

Lebih-lebih lagi, apabila kita melihat bagaimana beberapa nabi, terutamanya Yesaya, berkhayal tentang “akhir zaman” yang ‘melihat’ persamaan yang luar biasa antara penglihatan mereka tentang apa yang membentuk keselamatan dan

gambaran seksual ahli mistik.

Dalam kedua-dua kes, pada akhirnya, visi adalah satu keutuhan, kesempurnaan, cinta tanpa had, kehidupan normal yang huru hara dan kedamaian terakhir yang sangat gembira.


Sebagai contoh, apabila Yesaya menyatakan bahawa pada masa-masa terakhir serigala akan berbaring dengan anak domba, harimau kumbang akan bermain dengan anak kambing, dan lembu dan beruang akan berteman, sama seperti singa makan jerami seperti lembu, dan dia berkhayal tentang akhir zaman yang adalah seperti jamuan yang hebat, terhidang makanan terbaik dan wain paling lazat untuk semua orang.

Fantasi Yesaya berbeza hanya pada imej, bukan pada intinya, berbancing apa yang dicadangkan oleh Greeley.

Dalam kedua-dua kes, imej yang lazat dan sangat berahi digunakan untuk menggambarkan perkara yang boleh menjadi, dan akan menjadi seperti demikian, jika kita terbuka kepada karunia keselamatan.

Saya menyerlahkan fantasi ini kerana terlalu jarang kita pernah diajar bahawa fantasi kita, malah fantasi seksual kita, boleh menjadi tempat di mana kita merasakan keselamatan.

Ini adalah pengecualian istimewa jika kita diajar bahawa fantasi duniawi kita, berpotensi, menjadi sumber yang kaya untuk wawasan dan



pertumbuhan rohani. Bagaimana pula?

Dalam lamunan kegemaran kita, kita sering membayangkan beberapa komponen penting dalam keselamatan, iaitu, fantasi terbaik kita yang sudah pastilah imej sempurna, unggul dan utuh.

Di dalam lamunan itu, kita disempurnakan dan menjadi semakin baik, seronok dan puas hati, mengetahui sepenuhnya sama seperti kita dikenali sepenuhnya, secara bersemuka (seperti yang diterangkan oleh Paulus dalam 1 Korintus 13:12-13).

Dalam lamunan kita, kita tidak pernah kekurangan pelukan yang memberi kehidupan. Dalam mimpi kita, kita boleh bercinta tanpa syarat dan merasa sangat dikasihi tanpa kepalsuan.

Angan-angan terbaik kita menjadikan realiti terbalik, angan-angan itu menggembirakan, di mana, seperti dalam Yesaya, singa makan

jerami seperti lembu.

Dalam lamunan kita, peraturan biasa dunia tidak wujud, dan kita dapat melakukan perkara yang hebat dan mulia, tanpa mengira batasan olahraga, seni, pendidikan atau praktikal kita sendiri.

Dalam fantasi kita, kita tidak pernah dibatasi oleh keupayaan tubuh, bangsa, pendidikan, latar belakang, situasi, atau kecerdasan kita. Tiada yang mustahil dalam lamunan kita. Dalam fantasi kita, kita boleh terbang — dan menjadi artis bernilai jutaan ringgit, novelis, atlet, bintang filem — dan orang kudus.

Lebih-lebih lagi, dalam fantasi kita ada keadilan dan kebenaran. Sama seperti para nabi membayangkan hari perhitungan yang besar, apabila orang-orang yang sombong akan dijatuhkan, orang-orang yang kejam akan dihadapkan dengan kezaliman mereka, dan kebaikan tersembunyi mereka yang menderita secara senyap akan terungkap.

Fantasi yang baik, dengan caranya yang sangat indah, sentiasa membawa keadilan. Dalam fantasi kita, kita intuisi syurga baharu dan bumi baharu. Akhirnya, dalam fantasi sihat kita juga sentiasa berada pada tahap terbaik dan mulia. Kita tidak pernah kedekut, sempit, atau kecil dalam lamunan kita. Di sana kita sentiasa menjadi contoh kebaikan dan kemuliaan — pemurah, baik hati, penyayang yang mendalam, dan pemurah.

Thomas Aquinas membezakan antara dua jenis kesatuan. Baginya, anda boleh bersatu dengan sesuatu sama ada melalui pemilikan atau melalui keinginan. Dalam angan-angan kita, sungguhpun dalam fantasi yang begitu sensual dan peribadi sehingga membuat kita malu dengannya, kita diberi peluang istimewa untuk memahami rupa dan perasaan keselamatan. Malangnya, konsep syurga yang datang kepada kita melalui khutbah gereja, katekesis, dan sekolah Minggu selalunya begitu hambar, antiseptik, dualistik, aseksual, dan platonik sehingga kita sukar meninggalkan keindahan hidup duniawi.

Kehidupan di dunia, meskipun mengalami banyak kesakitan dan kekecewaan, kelihatan lebih kaya dan lebih menarik daripada syurga yang dijanjikan kepada kita selepas kematian.

Bergaul dengan malaikat, cahaya yang sempurna, dan prospek untuk duduk dalam diam untuk selamlamanya menyembah Tuhan, memang sangat betul dan mengandungi makna jika difahami, tetapi ia terlalu abstrak untuk menggoda kita agar meninggalkan kesenangan dunia.

Oleh itu, kita mempunyai sesuatu untuk dipelajari daripada para nabi alkitabiah, ahli mistik — dan dari khayalan Andrew Greeley yang meskipun kelihatan tidak sopan. — *Hakcipta Terpelihara 1999-2023 @ Fr Ron Rolheiser*

Bagaimana kita dapat mengisytiharkan Yesus?

Imej adalah mercu tanda bagi seseorang agar dia dikenali, dihargai dan menjadi pujaan ramai. Malah melalui imej itu juga seseorang akan diberi nama jolokan selain daripada nama yang sebenar. Misalnya seseorang yang suka membuat kelakar digelar sebagai si kartun, si pelawak atau seseorang yang suka buat kacau dan menimbulkan huru-hara diberi nama jolokan si samseng, si pengkhianat.

Berikut ini adalah lima petua bagaimana seseorang itu boleh memantapkan imejnya secara berkesan:

1. Perhatikan minat yang sesungguhnya terhadap sesama kita. Sebab, kita memerlukan sesama kita untuk mempromosikan diri kita kepada banyak orang.
2. Bersemangat sepanjang masa. Sebab, orang suka berada dekat dengan orang-orang yang sentiasa bersemangat dan ceria selalu.
3. Bersikap yakin boleh dan mempunyai wawasan yang jelas. Bercakap, berjalan dan melakukan segala sesuatu dengan penuh keyakinan.
4. Berpakaian rapi. Rambut dan kuku perlu sentiasa kemas dan bersih.
5. Perhatikan personaliti yang bersifat semula jadi — hangat, mesra, prihatin, bersemangat,

menawan, bijaksana dan mudah didekati.

Di dalam Injil hari ini, kelihatan Yesus agak bimbang dengan imej dan penampilan-Nya di muka umum sehingga Dia bertanya kepada murid-murid-Nya: “Kata orang siapakah Anak Manusia itu?” (ay 13). Mengapa Yesus harus bertanya demikian? Apakah Yesus tidak mengamalkan lima petua itu tadi? Jika kita buat sedikit kajian petikan Injil tersebut, kita dapat melihat bahawa Yesus tidak tertarik dengan imej-Nya di muka umum. Sebenarnya Dia mahu membimbing para pengikut-Nya agar mengenali dan menghayati secara peribadi siapa Dia itu di dalam diri mereka sendiri.

Nampaknya penemuan Petrus terhadap imej Yesus yang sungguh bersifat manusiawi itu belum mencukupi syarat untuk mengenali siapa Yesus itu. Hanya melalui inspirasi yang mendalam sahaja Petrus dapat mengisytiharkan siapa Yesus itu sebenarnya.

Maka di dalam Injil tadi kita dapat menyaksikan suatu peristiwa menarik di mana Petrus dan Yesus saling memberi gelaran nama yang mengungkapkan imej diri mereka masing-masing.

Mula-mula Yesus bertanya siapakah Dia menurut pendapat

umum? Para murid menjawab bahawa Ia sering disebut sebagai Elia, Yeremia atau salah seorang dari para nabi. Namun Petrus dan sahabat-sahabatnya itu lupa bahawa ramai orang memusuhi Yesus memberi-Nya jolokan sebagai pembongkok, penghasut dan aktivis pelampau yang perlu disingkirkan. Kemudian Yesus bertanya kepada para murid, siapakah Dia itu menurut mereka sendiri secara peribadi.

Petrus memberi jawapan yang mantap: “Engkau adalah Mesias, Anak Tuhan yang hidup” (ay 16). Gelaran tersebut memang tepat dan sekaligus sebagai pernyataan iman dan cintakasih Petrus kepada Yesus. Sebagai balasan terhadap pernyataan iman tersebut, Yesus memberi nama baru kepada Petrus yang sebenarnya hanya layak dipakai oleh Yesus sendiri iaitu, “Si batu karang” (ay 18).

Kesemua kisah tersebut sudah masuk di dalam lipatan sejarah, namun pertanyaan Yesus itu masih tetap segar berlaku di masa kini: “Apa kata mu, siapa Aku ini?” soalan Yesus tersebut sangat peribadi dan memerlukan jawapan yang peribadi pula di pihak kita masing-masing.

Persoalannya, bagaimanakah kita dapat mengetahui Yesus itu adalah “Mesias Anak Tuhan yang hidup?”

HARI MINGGU BIASA KE-21 TAHUN A

YESAYA 22:19-23;

ROMA 11:33-36;

INJIL MATIUS 16:13-20

Memang tidak mudah sebab ia memerlukan proses yang cukup lama. Kita perlu mengenali, memahami, menghayati dan mengamalkan ajaran-ajaran Yesus.

Mungkin inilah sebabnya setelah sekian lama waktunya mengalami hidup bersama Yesus dan akhirnya Yesus memberi soalan tersebut sebagai ‘ujian’ dan ternyata Petrus lulus 100%, maka Yesus memujinya dengan berkata, “Berbahagialah engkau sebab bukan manusia yang menyatakan itu kepadamu, melainkan Bapa-Ku yang di syurga” (Mat 16:17).

Melalui pengalaman iman yang sifatnya secara proses ini, Tuhan dapat menarik seseorang itu untuk dekat dengan-Nya, iaitu iman yang dapat mendengar, melihat dan menyentuh apa yang tidak dapat didengar, dilihat dan disentuh oleh telinga, mata dan tangan kasar kita.

Untuk mendapatkan iman jenis ini, maka kita perlu berpandukan

pada ajaran Gereja kita, iaitu melalui perayaan Sakramen-Sakramen, membaca dan merenungi Sabda Tuhan bukan sekali tapi setiap masa, hidup berkomuniti secara Kristian dan mengamalkan budaya menyembah Tuhan, membentuk iman serta bertanggungjawab sosial.

Apa pun keadaan dan sikap kita terhadap Yesus, sama ada masih tetap berpegang teguh dan percaya kepada-Nya atau sudah mulai renggang malah mendengar nama-Nya saja sudah membuat kita mual, namun Yesus akan selalu menuntut jawapan dari kita.

Berdasarkan dari jawapan kita itu pulalah kita akan diberi nama. Apakah nama kita itu seperti Petrus yang disebut si batu karang atau yang senada dengannya, ataukah kita disebut si pengkhianat, hipokrit, penipu, samseng dan yang sejenis dengannya? Fikir-fikirkanlah. — *santapan rohani*

Kesaksian lima jublirian FSIC: Tuhan itu adalah Kasih

TAMBUNAN: Komuniti adalah sebuah 'rumah' sejati saya di mana saya menyerahkan dan memberikan diri saya secara total untuk melakukan apa sahaja amanah yang diberi, kata salah seorang jublirian dari kongregasi Franciscan Sisters of the Immaculate Conception (FSIC).

Lima orang anggota FSIC merayakan ulang tahun ke-25, ulang tahun rubi dan ulang tahun emas sebagai religius pada Ogos 5 lalu di St Theresa, Tambunan.

Sr Mary Clare Lombigit dari Tambunan, menyambung ulang tahun emas sebagai religius manakala Sr Mary Rosario dari Limbahau Papar, Sr Mary Doroless dari Kg Hungab, Penampang dan Sr Mary Hilary Laudi dari St Theresa, Tambunan menyambut ulang tahun rubi. Sr Mary Liza A. Jamat dari Kg. Kirokot Tambunan menyambut ulang tahun perak sebagai religius.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Uskup Cornelius Piong yang dibantu oleh para paderi dari paroki Tambunan. Semasa menyampaikan homilinya, Uskup Cornelius mengungkapkan kesyukuran atas perayaan



jublir bagi lima orang religius FSIC tersebut. "Yesus memanggil dan mengutus anda menjadi saluran cintakasih-Nya di manapun anda berada dan melayani."

Perayaan jubli adalah kesempatan untuk mengungkapkan syukur dan terima kasih kepada Tuhan kerana Dia memanggil, mengutus dan menopang kita sebagai saluran kehadiran cintakasih-Nya.

Tambahnya, peranan religius dalam membangun gereja melalui pelayanan-pelayanan yang dipercayakan kepada mereka sangat membantu umat mengenal, mengasihi dan melayani Tuhan.

Mother General FSIC, Sr Frances Mani dalam ucapannya mengatakan perayaan jubli lima orang religius itu adalah tanda konkrit cinta kasih Tuhan dan rahmat ke-

pada semua umat. Melalui kesaksian para jublirian itu, ternyata Tuhan itu hadir dan Dia sentiasa memberikan rahmat melimpah kepada yang percaya kepada-Nya.

Selepas perayaan di St Theresa, para jublirian ini juga mengadakan majlis kesyukuran yang dihadiri keluarga dan sahabat handai di Konven Loreto, Dontozidon pada Ogos 12 lalu.

Kekudusan bermula dari hal-hal sederhana

SIBU: Umat Katolik Sibu berhimpun untuk meraikan Ulang Tahun Ke-38 Dedikasi Katedral Hati Kudus pada akhir bulan lalu bagi meraikan katedral yang didedikasikan sebagai Rumah Tuhan.

Perayaan Ekaristi dipimpin oleh Uskup Joseph Hii bersama Monsignor Michael Lee, Friar Raphael Samosir, Fr Phillip Hu dan Fr Edward Raymond.

Dalam homilinya, Bapa Uskup mengingatkan umat akan rahmat pembaptisan dan penguatan mereka. Katanya melalui rahmat itu, mereka secara sakramentali 'didedikasikan' atau diutus untuk mewarta-

kan kerajaan Tuhan.

Prelatus itu juga mengingatkan kongregasi bahawa tubuh mereka adalah bait Roh Kudus "yang diam di dalam kamu, Roh Kudus yang kamu peroleh dari Tuhan ... dan bahawa kamu bukan milik kamu sendiri?" (1 Kor 6:19).

Sakramen Pembaptisan dan Penguatan mewajibkan kita untuk menyebarkan kemurnian dan kekudusan Tuhan kepada seluruh dunia. Kekudusan ini bukan untuk diri sendiri sahaja tetapi harus disebarkan di kalangan komuniti kita, di tempat kita bekerja dan ketika kita bertemu dengan orang lain.



Uskup Joseph Hii mendupai altar semasa Misa Kudus Ulang Tahun ke-38 Dedikasi Katedral Hati Kudus.

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja?

Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291

Email:
liza@herald.com.my

Adorasi dan kemurnian

Sambungan dari keluaran lalu

Adorasi tidak sama dengan devosi

Adorasi yang bermaksud penyembahan tidak sama dengan devosi. Adorasi/ penyembahan hanya diberikan kepada Kristus, sedangkan devosi merupakan amalan religius, ia mungkin dalam bentuk penyembahan kepada Kristus atau penghormatan kepada para orang kudus.

Melihat penjabaran di atas, maka meditasi/ merenungkan tentang Kristus, sabda-Nya dan peristiwa hidup-Nya dapat merupakan bagian dari Adorasi. Namun Adorasi sendiri dapat dilakukan dengan beberapa cara yang lain, tidak harus meditasi.

Cara merayakan Adorasi Ekaristi

St. Alfonsus Liguori mengajarkan, "Dari semua devosi, penyembahan kepada Yesus dalam Sakramen Maha Kudus adalah devosi yang terbesar selepas sakramen-sakramen, dan sesuatu yang paling berkenan kepada Tuhan dan yang paling berguna bagi kita."

Berikut ini adalah cara-cara untuk merayakan adorasi Ekaristi:

- Pada saat Misa Kudus:** Kita berlutut semasa paderi mengangkat Sakramen Mahakudus tersebut sambil berkata, "Inilah Anak Domba Tuhan..." Sebelum menerima Komuni, tunduklah dan berilah penghormatan kepada Kristus yang hadir dalam rupa roti dan anggur.
- Semasa pentakhtaan Sakramen Maha**

Kudus: Setiap paroki digalakkan untuk melakukan pentakhtaan Sakramen Maha Kudus seminggu sekali agar umat dapat datang dan menyembah Kristus dalam Sakramen Maha Kudus.

c) **Devosi 40 jam:** Di beberapa paroki juga diadakan 40 jam Adorasi Ekaristi, yang diadakan setahun sekali.

d) **"Perpetual Adoration"/pentakhtaan Sakramen Maha Kudus** iaitu untuk adorasi tanpa putus selama 24 jam sehari, tujuh hari dalam seminggu.

e) **Mengunjungi/singah** di gereja untuk memberikan penghormatan kepada Kristus yang hadir dalam tabernakel.

f) **"Benediction":** Setelah pentakhtaan dan adorasi, maka Sakramen Maha Kudus digunakan untuk memberkati umat. Umumnya diiringi oleh lagu *O Salutaris Hostia*, dan *Tantum Ergo*.

g) **Prosesi:** perjalanan parade atau perarakan umat dan paderi dalam memberi penghormatan kepada Sakramen Maha Kudus.

Buah-buah dari Adorasi

Buah-buah yang diperoleh dari Adorasi adalah pertumbuhan rohani bagi mereka yang melaksanakannya, yang diperoleh kerana rahmat dari Kristus sendiri.

Sudah menjadi rahsia umum bahawa paroki-paroki yang rajin melakukan doa Adorasi, dan menyediakan "perpetual adoration" (Adorasi tanpa henti) akan diberkati Tuhan; panggilan ima-



mat dari paroki tersebut akan meningkat, dan keluarga-keluarga dalam paroki tersebut dapat lebih bersatu dan bersemangat dalam melakukan tugas-tugas kerasulan.


Soalan II: Apa itu kekudusan/kemurnian

Kekudusan atau kesempurnaan di mata Tuhan itu adalah sesuatu yang indah, yang harusnya diinginkan oleh semua orang, kerana inilah sesungguhnya yang diajarkan oleh Yesus sendiri (lihat Mat 5:48).

Bagi kita yang sudah dibaptis, sesungguhnya kita telah diberikan oleh Tuhan, rahmat awal kekudusan itu, (KGK, 1265): "Pembaptisan tidak hanya membersihkan dari semua dosa, tetapi serentak menjadikan orang yang baharu dibaptis suatu 'ciptaan baru' (2 Kor 5:17), seorang anak angkat Tuhan (lih. Gal 4:5-7); ia 'mengambil bahagian dalam kudrat ilahi' (2 Ptr 1:4), adalah anggota Kristus (lih. 1Kor 6:15;12:27), 'ahli waris' bersama Dia (Rm 8:17) dan kenisah Roh Kudus (1Kor 6:19) yang selayaknya kita pertahankan dan kita tingkatkan. — *katolisitas*

Sahabat kecil Yesus

Cari SEPULUH perbezaan pada gambar di bawah.



MALAYSIA MADANI

Mari Mewarna



Selamat menyambut Hari Kebangsaan Ogos 31, 2023

"Kata orang, siapakah Anak Manusia itu?" (Mat 16: 13)
Cari perkataan yang tersembunyi di bawah.

P	U	T	E	R	A	B	H	O	X	E	W	G
S	D	P	E	T	R	U	S	F	Z	L	M	N
C	Y	U	N	U	S	J	M	E	S	I	A	S
Y	E	S	N						G	A	E	I
B	R	T	V						W	Z	B	M
K	E	O	M						L	T	E	O
L	M	T	Y	O	H	A	N	E	S	F	V	N
V	I	R	S	B	H	U	V	X	N	Q	T	L
E	A	Y	M	A	N	U	S	I	A	C	D	K



**PUTERA
MANUSIA
ELIA
YOHANES
SIMON
PETRUS
MESIAS
YUNUS
YEREMIA**

Hello adik-adik,

Dua tarikh penting bagi negara kita: Ogos 31 dan Sept 16 merupakan hari yang kita kenang sebagai bersejarah dan sangat bermakna.

Di sekolah, pasti guru-guru menganjurkan pelbagai aktiviti bagi menggalakkan murid-murid menghargai dua peristiwa penting ini.

Sebagai umat Katolik, kita juga harus menghormati dua tarikh ini untuk bersyukur di atas keamanan dan keharmonian di negara kita.

Tema hari Kebangsaan dan Hari Malaysia pada tahun ini ialah Malaysia MADANI: Tekad perpaduan penuh Harapan.

Mari kita bersikap toleransi dan saling hormat menghormati lebih lagi kita hidup dalam masyarakat berbilang kaum dan agama.

Dengan perpaduan, negara kita yang semakin membangun dan moden ini, akan lebih sejahtera.

Sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, mari kita daraskan doa rosari untuk mendoakan kedamaian dan berkat melimpah bagi negara kita.

Salam sayang
Antie Melly

BELIA MILENIUM



Tridum persiapan Temasya Belia Keuskupan Sandakan 2023



SANDAKAN: Hampir 300 orang belia mendaftar untuk mengikuti Temasya Belia Keuskupan Sandakan kali kedua (TBK2) yang akan berlangsung pada Ogos 28-Sept 1, 2023.

Pelbagai persiapan telah siap dilaksanakan oleh tim penganjur seperti penetapan lokasi program, penginapan, makanan, dan keselamatan, termasuklah persiapan rohani dalam kalangan peserta.

Persiapan rohani untuk program ini diadakan dalam dua peringkat,

iaitu untuk penganjur iaitu pada Jun 9 - 10 di Beluran dan persiapan rohani untuk para peserta ditetapkan mengikut paroki masing-masing.

Tridum TBK2 juga telah diadakan melalui aplikasi Telegram pada Ogos 1-3 sebagai persiapan lanjutan para penganjur dan peserta.

Pada hari pertama, kesemua penganjur dan peserta diajak untuk memahami diri mereka, dan sejauh manakah mereka dapat meneladani sikap Bunda Maria dalam hal

Kenangan 'gelombang merah' TBK kali pertama yang diadakan pada Ogos 12-16, 2019 di paroki Katedral St Mary, Sandakan.

menyentuh panggilan.

Tridum pada hari kedua membincangkan Ekaristi sebagai sumber kemuncak kehidupan manusia.

Peranan dan sikap semasa Misa Kudus dibicarakan pada hari ketiga tridum.

Penglibatan para penganjur dan peserta dalam tridum ini adalah sangat baik walaupun diadakan atas talian.

Biarpun ada beberapa rintangan

namun kehadiran peserta dan penganjur secara maya menunjukkan komitmen mereka untuk menjayakan program TBK2.

Pada akhir sesi Tridum TBK2, koordinator TBK2 iaitu Cik Elisha Edward menyampaikan taklimat berkenaan aktiviti-aktiviti sepanjang TBK2. Beliau mengajak para penganjur dan peserta untuk bekerjasama agar objektif TBK2 dapat dicapai.

KAUM MUDA HARUS JADI PELOPOR TRANSISI HIJAU

VATIKAN: Semasa Hari Belia Antarabangsa Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang diraikan setiap Ogos 12, Sri Paus Fransiskus menyampaikan galakan

kepada golongan muda diplatform media sosial X beliau (dahulunya dikenali sebagai Twitter).

Bapa Suci menjemput belia untuk bermimpi besar, mempromosikan budaya pen-

yayang, dan menjadi juara persaudaraan.

Sri Paus juga menawarkan orang muda kunci untuk menjalani kehidupan yang lebih lengkap iaitu membenarkan diri mereka dibimbing oleh Tuhan dan menerima nasihat daripada Penasihat yang baik.

"Anak muda yang dihormati, jangan pernah kehilangan keberanian anda untuk bermimpi besar dan menjalani kehidupan sepenuhnya! Amalkan budaya prihatin, budaya peduli dan sebarkan. Jadilah juara persaudaraan. Hadapi cabaran hidup dengan membiarkan diri anda dibimbing oleh Tuhan dan oleh Penasihat yang baik. #Youth-Day"

Tweet Sri Paus mengimbas kembali ucapannya kepada golongan muda di Sekolah Hati Kudus di Awali, semasa Kunjungan Apostoliknyanya ke Bahrain (November 3-6, 2022).

Sri Paus juga baharu memimpin kira-kira 1.5 juta orang belia dalam perayaan Hari

Belia Sedunia ke-37 di Lisbon, Portugal pada Ogos 1-6.

Hari Belia Antarabangsa PBB 2023 bertema "Kemahiran Hijau untuk Belia: Ke Arah Dunia Lestari" (*Green Skills for Youth: Towards a Sustainable World*).

Menurut laman web PBB, tema itu menonjolkan keperluan untuk ekonomi menerima "transisi hijau" dan beralih ke arah "dunia yang mampan alam sekitar dan mesra iklim".

Peralihan itu boleh berlaku sebaik-baiknya apabila semua orang berusaha untuk membuat keputusan hidup dan kerja yang tidak memberi kesan negatif kepada alam sekitar, kata PBB.

"Oleh kerana kemahiran hijau adalah relevan untuk semua peringkat umur maka hal ini ditekankan untuk golongan muda, yang boleh menyumbang kepada transisi hijau untuk jangka masa yang lebih lama." — media Vatikan



Pertumpahan darah di Ukraine harus dinoktahkan



Kardinal Stanisław Dziwisz, uskup Kepausan sempena perayaan di Kodeń, Poland.

VATIKAN: Sri Paus Fransiskus melantik Kardinal Dziwisz, uskup agung emeritus Kraków, sebagai utusan kepausan sempena ulang tahun peringatan ke-300 penobatan gambar Bonda Maria dari Kodeń, Ratu Perdamaian.

Dalam surat khususnya, Sri Paus menekankan bahawa tempat ziarah Bonda Maria di Kodeń adalah tempat mukjizat, di mana orang ramai dapat datang untuk berdoa dan mempercayakan hidup mereka kepada Bonda Maria.

Dalam homilinya pada Misa Ogos 15, mantan setiausaha Sto Yohanes Paulus II itu mengatakan

bahawa Kardinal Karol Wojtyła pernah berziarah ke Kodeń sebelum pemilihannya sebagai Uskup Roma.

“Sto Yohanes Paulus II ketika itu membicarakan ciri khusus Bonda Kristus: ‘Maria mempersatukan Umat Tuhan. Dan kita menemukan diri kita berada di tanah di mana penyatuan Umat Tuhan ini memiliki makna sejarah yang khusus. Di sinilah pertemuan Gereja-gereja yang terpisah – Gereja Barat dan Gereja Timur – terjadi.’”

Mengacu pada perang yang sedang berlangsung di Ukraine, Kardinal menunjukkan bahawa apa

yang terjadi di Eropah tidak dapat diterima di seluruh dunia.

“Merampas tanah saudara dan saudara kita di Ukraine, melanggar hak mereka untuk hidup, bahasa dan budaya mereka sendiri, menabur kematian dan kehancuran.”

“Saudara-saudari Slavia seharusnya tidak saling bertarung. Mereka tidak boleh saling membunuh; mereka tidak boleh menabur kehancuran; mereka tidak boleh melipatgandakan besarnya penderitaan yang kita saksikan.

“Tangan Kain harus dihentikan. Kita harus mengakhiri kebencian, kekerasan, dan perang saudara ini.

Cukup sudah pertumpahan darah ini!”

“Saudara-saudari Slavia, marilah kita memberi contoh bagi dunia hidup berdampingan sebagai saudara antara rakyat kita dan bukan kebencian yang membabi buta,” seru utusan kepausan itu.”

“Semoga Bonda Maria dari Kodeń menjadi pemandu kita dalam cara mengakhiri perang, perdamaian dan keamanan.”

“Bersama dengan Sri Paus Fransiskus, kita mempercayakan masa depan umat manusia di tangan Maria, Ratu Damai.” — *media Vatikan*

Prelatus Malakal mohon bantuan bagi pelarian ‘sehelai sepinggang’

MALAKAL, Sudan Selatan: Lawatan Setiausaha Negara Vatikan, Kardinal Pietro Parolin ke bandar Malakal di Sudan Selatan “sangat bermakna bagi kami,” kata Uskup Nyodho Ador Maiwok dari Keuskupan Malakal.

Dalam temu bual dengan *Vatican News*, Uskup itu mengatakan lawatan Kardinal Parolin, akan membantu orang ramai memahami bahawa bekerjasama, dalam kesatuan antara masyarakat yang berbeza, akan memberi mereka banyak kekuatan untuk bergerak ke hadapan, membina negara dan keuskupan mereka.

Keuskupan yang diketuai oleh Uskup Nyodho termasuk Sungai Nil Atas, Jonglei dan Negeri-negeri Bersatu yang menerima kira-kira 35,000 pelarian.

Kebanyakan pelarian adalah warga Sudan Selatan yang melarikan diri dari peperangan.

Dianggarkan 200,000 orang telah kembali ke Sudan Selatan. Apabila mereka tiba, pelarian hampir selalu menjadi mangsa perompak.

Ramai yang tiba di sempadan dan pergi ke Malakal dengan bot kargo Keuskupan yang biasanya membawa bijirin tetapi kini digunakan untuk mengangkut orang.

Antara 400 dan 800 orang mengembara setiap perjalanan dengan bot dalam perjalanan yang berlangsung antara dua hingga tiga hari.

Semasa lawatannya, Kardinal Parolin menaiki salah satu bot tersebut pada hari Ogos 16. Tiga ribu orang telah diangkut oleh sistem ini sehingga kini.



Kardinal Parolin menaiki bot yang membawa pelarian Sudan ke Malakal.

Menggambarkan apa yang dibawa oleh peperangan hanyalah kemusnahan, Uskup menjelaskan perjuangan pelarian yang cuba melarikan diri. Katanya, satu perjalanan untuk membawa orang dari

sempadan ke Malakal menelan kos antara tujuh dan lapan ribu dolar, hanya untuk bahan bakar, tidak termasuk makanan dan tempat tinggal dan kini penyakit juga sedang menular. “Kami tidak boleh berdi-

am diri. Itulah sebabnya kami cuba bergerak ke hadapan, melakukan apa yang kami mampu, mengikut kemampuan kami,” katanya.

Beliau juga menyatakan bagaimana musim hujan di sana menambahkan lagi penderitaan, kerana “orang ramai tidak mempunyai perlindungan yang memadai untuk menampung diri mereka, dan kanak-kanak dan orang tua memerlukan banyak bantuan.”

Sebagai kesimpulan, Uskup Nyodho merayu kepada masyarakat antarabangsa, untuk membantu para pelarian kerana “keadaan di sini benar-benar memerlukan orang yang berbaik sangka, ia memerlukan kemanusiaan,” untuk bantuan penting bagi membantu mereka bertahan dan membina semula kehidupan mereka. — *media Vatikan*

Bantahan terhadap delegasi kepausan cetus kekecohan

KOACHI, Kerala: Gereja Siro-Malabar Ritus Timur di India telah mengutuk protes ganas terhadap perwakilan Sri Paus yang datang melawat, yang ditugaskan untuk mencari penyelesaian kepada pertikaian liturginya yang sudah berdekad lamanya.


Sebahagian daripada umat Katolik di keuskupan agung Ernakulam-Angamaly pada Ogos 14, secara terbuka memprotes kedatangan Uskup Agung Cyril Vasil, Delegasi Kepausan yang dilantik ke keuskupan agung.

Protes terhadap delegasi kepausan itu “sangat dikecam,” kata sebuah kenyataan yang dikeluarkan oleh Gereja pada Ogos 15.

Uskup agung itu dihalang daripada memasuki Katedral St. Maria melalui pintu utamanya dan polis terpaksa membantunya memasuki katedral melalui pintu lain.

Katedral itu ditutup sejak Disember lalu selepas tercetus beberapa kejadian kekerasan fizikal akibat perselisihan liturgi.

Media Vatikan pada Ogos 10 melaporkan Sri Paus Fransiskus telah melantik Uskup Agung Cyril



Uskup Agung Cyril Vasil, delegasi kepausan dilindungi pihak polis semasa mengunjungi Katedral St Maria pada Ogos 14.

Vasil sebagai Delegasi Kepausan dengan fakulti khas “untuk menyelesaikan situasi Keuskupan Agung Patriak Ernakulam-Angamaly.”

Gereja Syro Malabar di Kerala telah terlibat dalam kontroversi dan konflik sejak beberapa tahun kebelakangan ini, dan pada tahun 2021, sebuah Sinode Gereja Katolik Syro Malabar memutuskan untuk melaksanakan prosedur seragam untuk merayakan Misa di mana paderi menghadapi mezbah bukan kongregasi bermula November 2021. Walau bagaimanapun, keseragaman yang diputuskan oleh Sinode Syro Malabar ini ditentang

keras oleh banyak pihak, terutamanya umat Katolik dari keuskupan Ernakulam-Angamaly, yang mahukan Misa dengan paderi yang menghadapi kongregasi.

Berikutan itu, timbul perselisihan faham di kalangan paderi dan orang awam, sehingga menyebabkan pergaduhan di beberapa tempat. Uskup Agung Vasil, bagaimanapun, dalam temu bual dengan saluran berita *Malayalam Katolik* menyatakan harapan paderi-paderi yang menentang itu akhirnya akan sehaluan dan mengikut nasihat Sri Paus Fransiskus. — *ucanews.com*

Pertubuhan Kebajikan Islam iktiraf sumbangan biarawati Katolik

SINGAPURA: Sebuah pertubuhan bukan berasaskan keuntungan, yang bekerja untuk kebajikan dan pembangunan umat Islam di Singapura telah memberi penghormatan kepada seorang biarawati Katolik atas usahanya dalam menggalakkan persefahaman dan kerjasama antara agama di republik itu.

Sr Theresa Seow dari kongregasi Canossian Daughters of Charity adalah salah seorang daripada dua penerima Anugerah Teladan Antara Agama dari Jamiyah Singapura, lapor *Catholic News* pada Ogos 9.

“Dialog antara agama bukanlah pilihan: ia adalah sebahagian daripada misi penginjilan Gereja,” kata Sr

Seow semasa majlis anugerah pada Julai 29.

Penerima lainnya adalah Tan Thiam Lye, seorang pemimpin Federasi Taois Singapura yang dipuji kerana aktif mempromosikan keharmonian antara agama.

Kerukunan antara agama bukan hanya idea intelektual tetapi praktik aktif dan usaha bersama di Singapura, demikian lapor akhbar harian *Straits Times*. Masjid dan gereja di Singapura sentiasa bekerjasama dalam hal-hal seperti lalu lintas dan berkongsi tempat letak kereta pada mengadakan rumah terbuka pada perayaan masing-masing. — *ucanews.com*



Sr Theresa Seow (tengah) menerima Penghargaan Teladan Antara Agama dari Jamiyah Singapura pada Julai 29. (Foto: Clement Lee/Catholic News)

BERDOA MALAIKAT TUHAN BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS

Panggilan solidariti: untuk migran, korban kebakaran

TAKHTA SUCI: Selepas memimpin Doa Angelus pada Ogos 13, Sri Paus Fransiskus meyakinkan masyarakat Hawaii bahawa beliau sentiasa mendoakan mereka.

Bersama dengan sekitar 15,000 orang berkumpul di Dataran Sto Petrus, berdoa bersama Bapa Suci “untuk para korban kebakaran yang telah menghancurkan Pulau Maui di Hawaii.”

Korban yang maut akibat kebakaran tersebut telah meningkat menjadi 96 orang pada Ogos 13 dan dijangka lebih ramai dalam operasi mencari mangsa yang terperangkap dalam reruntuhan yang terbakar.

Peduli terhadap migran

Dalam doa dan permohonan umumnya selepas Doa Angelus, Sri Paus Fransiskus juga menyampaikan seruannya untuk usaha serius menangani migrasi selepas 41 migran dilaporkan lemas di laut Mediterania pada awal Ogos ini.

“Kapal karam yang tragis terjadi beberapa hari lalu di Mediteranian — 41 orang mati lemas. “Saya telah berdoa untuk mereka,” kata Bapa Suci dalam suara sebak.

Empat orang migran lainnya dari Afrika diselamatkan oleh kapal dagang dan dibawa ke Pulau Lampedusa, Itali, pada Ogos 9.

Mangsa yang terselamat mengatakan mereka berada di atas kapal yang membawa 45 orang. Kapal itu terbalik di perairan Tunisia. Dengan menggunakan *inner tubes* dan pelbagai jenis getah yang boleh



Tragedi kapal karam yang mengakibatkan migran mati lemas, satu tamparan hebat kepada kemanusiaan kita, kata Sri Paus Fransiskus.

digunakan sebagai pelampung darurat. Empat orang migran itu menemui sebuah bot yang terbiar tetapi tidak memiliki motor. Mereka diselamatkan oleh kapal kargo dan dipindahkan ke tahanan penjaga perairan pantai Itali.

“Menyedihkan dan memalukan,” kata Sri Paus Fransiskus. “Sejak sejak awal tahun, hampir 2,000 lelaki, wanita, dan kanak-kanak telah maut semasa mereka cuba menjangkau Eropah. Ini adalah luka terbuka bagi kemanusiaan kita.”

Bapa Suci mengatakan beliau ingin memberikan sokongan dan galakan dan kepada “kuasa politik dan diplomatik yang cuba memulihkan atau memperbaiki situ-

asi tragis itu dari terus berulang, dalam semangat perpaduan dan persaudaraan,” dan Sri Paus Fransiskus juga memuji “dedikasi semua mereka yang berusaha untuk mencegah kapal karam dan membantu pendatang.”

Ziarah perdamaian

Pada Ogos 14, Bapa Suci juga mendoakan rakyat Cameroon agar melalui perantaraan Bonda Maria, Tuhan dapat menopang harapan orang-orang yang telah menderita selama bertahun-tahun.

Semoga Tuhan membuka jalan dialog sehingga perdamaian dan keharmonian dapat dicapai. — *media Vatikan*

Santapan untuk rohani kita

Kita memiliki Bapa yang Pengasih

Yesus tidak pernah berjanji bahawa murid-murid-Nya akan memiliki kehidupan yang mudah dan makmur.

Yesus menuntut sebaliknya. Setelah dipilih, kedua belas murid diutus untukewartakan bahawa Kerajaan Tuhan sudah dekat, namun para rasul ini tidak diutus seperti utusan kerajaan duniawi, yang diiringi *bodyguards* dan pengawal bertubuh sasa.

Mereka akan pergi sebagai orang sederhana yang berjalan kaki dan membawa persediaan ala kadar.

Mereka berandal pada kemurahan hati tuan rumah mereka, dan menghadapi risiko ditolak atau tidak diterima.

Secara alami sudah tentu mereka berasa takut. Namun, Yesus mengatakan kepada mereka bahawa misi ini adalah permulaan, kerana mereka akan menjalani sesuatu yang lebih sukar pada masa depan.

Sungguh terjadi, selepas Pentakosta, mereka sungguh-sungguh berani mewartakan secara terbuka bahawa Yesus adalah Tuhan, meskipun mereka dianiaya, ditolak dan dikeji.

Yesus memahami ketakutan manusia-wi para rasul dan ketakutan kita dan Dia mengatakan, jangan takut. Mengapa?

Jawaban Yesus sederhana. Mengapa kita harus takut mati jika akhirnya kita pasti mati juga akhirnya? Pilihannya adalah: apakah kita mati sebagai saksi Kristus atau mati lari daripada Kristus?



Sedangkan burung pipit dikasihi Tuhan, apatah lagi manusia

Lebih jauh, Yesus mengungkapkan alasan sebenarnya mengapa kita tidak perlu takut: kita memiliki Tuhan, yang adalah Bapa yang Pengasih dan Peduli.

Yesus memberikan penjelasan yang bijak: bagaimana Tuhan memperlakukan seekor burung pipit yang kecil. Pipit adalah jenis burung yang tidak berharga di mata kita, tetapi bagi Tuhan, burung kecil ini adalah ciptaan-Nya, dan ketika Dia menciptakan sesuatu, Dia memiliki rencana yang baik untuknya, dan Dia memastikan bahawa rencana ini akan mencapai kepenuhannya.

Menurut ahli falsafah Katolik, Peter Kreeft, sedangkan nyamuk juga dikasihi Tuhan ... apatah lagi manusia.

Ya, seringkali, penderitaan menyebabkan kita tidak dapat memahami. Mengapa

kita harus kehilangan seseorang yang kita cintai? Mengapa kita menderita penyakit yang tidak dapat disembuhkan?

Sesungguhnya, hal-hal mengerikan dalam kehidupan ini juga merupakan bahagian dari penyelenggaraan Tuhan.

Kita mungkin tidak melihatnya sekarang, tetapi mungkin kita melihatnya pada lain waktu.

Yesus tidak memanggil kita untuk menikmati kehidupan yang sukses tetapi untuk menjadi saksi-Nya. Meskipun segala sesuatu seakan melawan kita, Yesus menyatakan kita tidak perlu takut dan kuatir kerana pada akhirnya, semua akan bekerja sesuai dengan rencana-Nya yang indah kerana Dia mengasihi kita. — *Fr Valentinus Bayuhadi Ruseno OP, pen@katolik*

PENULIS BERKICAU

Malaysia Madani

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memperkenalkan konsep Malaysia Madani yang bermatlamat memacu Malaysia menjadi negara yang lebih makmur dan maju berteraskan enam nilai MADANI melalui kepercayaan antara kerajaan dengan rakyat, dasar ketelusan dan kerjasama.

Enam tonggak dasar itu adalah seperti berikut:

- M (keMampanan)
- A (kesejAhteraan)
- D (Daya cipta)
- A (hormAt)
- N (keyakiNan)
- I (Ihsan)

Bagi pendapat saya sendiri, gagasan ini bukan sahaja tentang ekonomi semata-mata, namun yang lebih penting kemajuan dari segi pemikiran dan peradaban. Dalam dasar Malaysia MADANI, matlamat yang ingin dicapai ialah sebuah masyarakat yang maju, terampil dan terangkum.

Konsep Malaysia MADANI diharap dapat membantu membuka ruang kerjaya yang lebih luas kepada golongan muda yang berhadapan dengan isu pengangguran yang semakin mencemaskan.

Dalam merayakan hari Kebangsaan (Ogos 31) dan Hari Malaysia (September 16), saya berharap melalui negara ini akan mencapai kematangan politik yang stabil.

Semoga konsep MADANI ini digunapakai oleh para pemimpin politik agar menolak rasuah dan penyelewengan, pembangunan ekonomi, melindungi alam sekitar dan memastikan kesejahteraan rakyat terus terbela.

Kita sudah diajukan dengan pelbagai dasar dan konsep sebelum ini. Contohnya konsep '1 Malaysia' dan Keluarga Malaysia. Saya pasti, bukan saya seorang sahaja tetapi seluruh rakyat Malaysia mengharapkan konsep MADANI ini bukanlah wacana kosong atau sekadar istilah.

Saya mengambil contoh komuniti di mana saya tinggal yang kebanyakannya ialah pesara kerajaan. Bagi mereka, slogan itu kurang penting, mereka mengambil berat tentang kos sara hidup, harga barangan dan akses Internet.

Konsep MADANI yang memberi tumpuan kepada masyarakat sivil Malaysia adalah langkah yang baik tetapi ia perlu pegangan agama dan nilai kemanusiaan sejagat yang tidak meminggirkan mana-mana kelompok manusia, tidak memandang atau mengutamakan kaum tertentu sahaja.

Pada tahun lalu, sempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia, saya telah menemuramah beberapa orang belia, bertanya apa harapan untuk Malaysia lebih-lebih lagi selepas pandemik. Mereka memberikan jawapan yang polos dan saya pasti, ia juga adalah harapan semua rakyat Malaysia iaitu:

- Mahu negara yang menolak perkauman
- Pemimpin politik yang matang dan mengutamakan rakyat
- Penghapusan rasuah dan penyelewengan

'Malaysia Madani: Tekad Perpaduan Penuhi Harapan' dipilih sebagai tema sambutan Hari Kebangsaan ke-66 dan Hari Malaysia ke-60, tahun ini. Semoga kita semua mengekalkan sikap hormat menghormati bukan sahaja di kalangan rakan-rakan Katolik tetapi semua orang yang berlainan iman. Bak kata pepatah, 'kuat berdiri pohon kerana akarnya, kuat akar kerana tanah' tanpa perpaduan, Malaysia tidak mungkin mengecapi pelbagai berkat kemerdekaan negara.

KENYATAAN MISI HERALD

HERALD adalah Minggu Katolik Gereja Malaysia. Ia berusaha untuk menyampaikan berita-berita terkini, nilai-nilai Kristian dan berusaha untuk berdialog dengan semua sektor masyarakat untuk membina komuniti beriman kepada Tuhan yang harmoni. Kami menyokong pembentukan Gereja dan menggalakkan umat awam dan religius untuk membuat keputusan moral di arena luar Gereja.

Okt 2023 : Perhimpunan pastoral untuk KL

KUALA LUMPUR: Uskup Agung Julian Leow melalui Surat Pastoralnya yang bertarikh Ogos 10, 2023, bersyukur kepada Tuhan Yang Maha Kuasa atas peluang berdialog dan mendengar melalui banyak Perhimpunan Pastoral Paroki (PPA) dan perjalanan Sinode yang dimulakan oleh Bapa Suci, Sri Paus Fransiskus.

Katanya, selepas melalui proses sinodal tempatan dan Perhimpunan Pastoral Paroki di seluruh keuskupan agung, “kini kita sampai ke fasa seterusnya dalam perjalanan kita ke arah menjadi sebuah gereja Malaysia yang bersatu. Proses tersebut telah memberi kita semua gambaran tentang tanda-tanda zaman dan ia perlu diteruskan ke dalam aksi konkrit dan misi.”

Perhimpunan Pastoral Keuskupan Agung Kuala Lumpur 2023/APA 2023

Uskup Agung Julian dengan su-



Gambar ilustrasi: Beberapa paroki di bawah Keuskupan Agung KL sedang mengadakan PPA.

kacitanya mengumumkan Perhimpunan Pastoral Keuskupan Agung (APA) 2023 akan berlangsung pada Oktober 14, 2023 di Gereja St Francis of Assisi, Cheras dari jam 8.00 pagi-8.00 malam.

Tema dan fokus perhimpunan kali ini ialah, “Bina Semula Gereja Kita”.

APA akan menjadi platform bagi para perwakilan merenung tiga isu yang tercetus dari proses PPA & Sinode: Hubungan, Kepimpinan

dan Pembentukan. Program untuk hari itu akan merangkumi bengkel, katekesis dan ucapan serta perbincangan interaktif.

Prelatus itu menerangkan bahawa perwakilan dari paroki dan komuniti akan dipilih oleh Paderi Paroki dan ketua-ketua komiti.

Katanya, “Dalam perjalanan kita menuju Konvensyen Pastoral Malaysia 2026, para Uskup Malaysia bersama-sama dengan tim *steering committee* telah melihat tumpuan

khusus terhadap Keluarga, Gereja, Ekologi dan Masyarakat dengan visi: “Gereja Katolik di Malaysia bersatu sebagai paderi, agamawan dan awam. untuk merayakan, mendengar dan berjalan dalam terang Tuhan” (rujuk Yesaya 2:2-5).

Siaran langsung Misa Senja Oktober 14 untuk Keuskupan Agung KL

Oleh kerana penyertaan dan

komitmen semua paderi dalam perhimpunan itu, tidak akan ada Misa Senja di seluruh Keuskupan Agung pada Oktober 14, 2-23.

Misa Senja akan disiarkan secara langsung pada petang itu. Umat beriman dijemput untuk menyertai perayaan Ekaristi dalam talian. Misa akan dirayakan pada hari Minggu, Oktober 15 2023 di paroki-paroki Lembah Klang dan di mana-mana sahaja.

Sila semak dengan paroki masing-masing untuk maklumat lanjut.

Semangat persekutuan untuk kesan yang berkekalan

Adalah menjadi harapan saya bahawa kehadiran dan sumbangan anda akan membina asas yang kukuh, mewujudkan hubungan yang bermakna dan memupuk semangat perpaduan yang akan memberi impak yang berkekalan kepada gereja kita dan komuniti yang lebih luas.

Anggota AOHD diutus bawa cahaya Kristus kepada yang memerlukan

KUALA LUMPUR: Empat belas anggota Pejabat Pembangunan Insan Keuskupan Agung (AOHD) telah diutus pada Ogos 6 lalu di Gereja St Anthony.

Misa Kudus dipimpin oleh Uskup Agung Julian Leow bersama Fr Dr Clarence Devadass, Fr Paulino Miranda dan Fr Andrew Manickam, OFM Cap.

“Apa kepentingan Pesta Transfigurasi dalam Gereja Katolik?” Uskup Agung Julian mengajukan pertanyaan pada awal homilinya.

Prelatus itu menerangkan bahawa Yesus telah memberi gambaran

kepada para rasul bahawa Dia akan menghadapi cabaran termasuk penganiayaan dan penderitaan. Yesus juga tahu bahawa meskipun ramai yang percaya tetapi ramai juga yang ragu dan meninggalkan-Nya sendirian menghadapi penyesalan.

Oleh itu, Yesus memilih untuk menampakkan kemuliaan-Nya kepada tiga orang rasul di atas gunung.

Ini adalah untuk mempersiapkan mereka bagi menghadapi percubaan semasa Dia disalibkan, mempersiapkan mereka untuk

mengatasi ketakutan dan keraguan dengan mengingat kembali penampakan kemuliaan Yesus di atas gunung.

Pada akhir homilinya, Uskup Agung Julian mengingatkan kongregasi bahawa mereka tidak seharusnya terus berada ‘di gunung’. Mereka harus turun dari ‘gunung’ (Gereja),ewartakan Khabar Gembira kepada setiap orang yang ditemui, di dalam keluarga dan masyarakat.

Sebelum ritus penutup Misa, Uskup Agung Julian menyalakan 14 batang lilin kemudian diberikan kepada setiap anggota AOHD. Ia sebagai tanda mereka membawa cahaya Kristus, membawa cinta kasih dan damai Tuhan kepada orang-orang yang mereka layani.

14 anggota AOHD tersebut termasuklah kakitangan sepenuh masa, separuh masa dan sukarelawan yang melayani pelbagai komiti pelayanan di bawah AOHD.



Retret LSS pupuk semangat kerasulan yang berani menginjil



KRUBONG, Melaka: Retret hidup Baru Dalam Roh (LSS) yang dianjurkan oleh CHARIS Bahasa Malaysia Keuskupan Melaka Johor telah membantu 120 orang lebih mengenal peranan Roh Kudus dan penyelamatan Tuhan.

Retret yang bertemakan “Menjadi Murid Kristus yang Bersaksi” dikendalikan oleh Sdra. Jude Antoine.

Para peserta yang datang dari pelbagai tempat mengongsikan pengalaman iman mereka yang merasai jamah Tuhan sepanjang dua hari retret.

Ramai peserta yang mengung-

kapkan rasa syukur kerana mendapat kesegaran rohani selepas mengikuti retret ini lebih-lebih lagi semasa sesi pengenalan akan penyelamatan Tuhan, karunia-karunia Roh Kudus, peranan Roh Kudus dan sesi penyembuhan batin serta pencurahan Roh Kudus.

Fr Neville Sinnaph semasa menyampaikan homili dalam Misa Kudus penutup menyeru para peserta retret agar mengongsikan pengalaman sukacita mereka kepada keluarga dan orang-orang yang mereka temui. — **Stella Raimon**

Msgr berkati Rosari Besar di Limbahau

LIMBAHAU: Sempena Pesta Ke-naikan Bonda Maria ke Syurga, umat paroki Holy Rosary Limbahau menyaksikan pemberkatan dan perasmian Rosari Besar, perarakan patung Maria dan menyertai Misa Kudus yang dipimpin oleh Msgr Nicholas Stephen (Msgr Nik).

“Tuhan menjawab doa-doa kita melalui Bonda Maria, bukan apa yang kita mahukan tetapi apa yang kita perlukan,” kata Msgr Nik semasa menyampaikan homilinya.

Paderi Paroki HRL itu juga membetulkan anggapan umat yang mengatakan kita berdoa kepada Bonda Maria, yang betul ialah kita berdoa BERSAMA Bonda Maria.

Msgr Nik juga mengatakan bahawa Maria selalu bergegas dan tidak berlengah apabila kita berdoa bersamanya.

Pada akhir homilinya, Msgr Nik mengajak umat untuk meneladani Maria yang selalu bersyukur, merendahkan diri dan mengutamakan doa serta renungan.



Msgr Nicholas Stephen semasa upacara pemberkatan dan perasmian di kawasan Gereja Holy Rosary, Limbahau.